



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SEPTEMBER 2026



AKHLAK MULIA ASAS KEHIDUPAN MASYARAKAT

25 SEPTEMBER 2026M | 13 RABIULAKHIR 1448H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Bertakwalah kepada Allah ﷻ dengan sebenar-benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya, dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah ﷻ di dunia dan akhirat.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷻ

Antara perkara yang paling merosakkan hubungan sesama manusia ialah buruk sangka dan tergesa-gesa dalam menjatuhkan hukum terhadap orang lain. Islam memerintahkan kita membina hubungan atas dasar kasih sayang, rahmat dan sangka baik, bukan atas tuduhan, syak wasangka dan keraguan.

Dalam hadis qudsi yang diriwayatkan oleh Imam Malik, Allah ﷻ berfirman:

وَجَبْتُ مَحَبَّتِي لِلْمُتَحَابِّينَ فِيَّ، وَلِلْمُتَجَالِسِينَ فِيَّ، وَلِلْمُتَزَاوِرِينَ فِيَّ، وَلِلْمُتَبَاذِلِينَ فِيَّ.

Yang bermaksud: *“Wajiblah kasih sayang-Ku bagi orang yang saling mencintai kerana-Ku, yang saling duduk bersama kerana-Ku, yang saling menziarahi kerana-Ku dan yang saling memberi serta berkorban kerana-Ku.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷻ

Sesungguhnya pembaikan masyarakat bermula dengan pembaikan jiwa. Oleh itu Allah ﷻ bersumpah dengan jiwa manusia lalu berfirman dalam surah Ash-Shams ayat 7 hingga 10:



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا ﴿٧﴾ فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ﴿٨﴾ قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّاهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّاهَا ﴿١٠﴾

Yang bermaksud: “Demi diri manusia dan Yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya) Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertakwa. Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan). Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).”

Kejayaan yang sebenar ialah kejayaan menyucikan jiwa daripada dendam, hasad dengki, kesombongan dan segala penyakit hati. Manakala kerugian yang sebenar ialah membiarkan jiwa menjadi tawanan hawa nafsu, syahwat dan kebencian.



Sidang Jumaat yang dikasihi Allah

Rasulullah ﷺ telah memberi amaran kepada kita tentang penyakit-penyakit yang merosakkan perpaduan umat dan persaudaraan Islam. Baginda bersabda dalam hadis riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim yang bermaksud:

“Jauhilah prasangka, kerana sesungguhnya prasangka itu adalah sedusta-dusta percakapan. Janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang, janganlah kamu mengintip, janganlah kamu berlumba-lumba secara tidak sihat, janganlah kamu saling dengki-mendengki, janganlah kamu saling membenci, janganlah kamu saling membelakangi, dan jadilah kamu hamba-hamba Allah yang bersaudara.”

Betapa banyak permusuhan yang tercetus akibat buruk sangka, kata-kata yang tidak dipastikan kebenarannya, dan fitnah yang berpunca daripada sikap mencari-cari aib dan kesalahan orang lain. Oleh itu, bertakwalah kepada Allah ﷻ dalam menjaga lidah dan hantaran di media sosial. Jangan sekali-kali menjadi punca tersebarnya kebencian dan permusuhan dalam kalangan umat Islam.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah

Antara tanda kekuatan iman dan kemuliaan akhlak ialah kemampuan mengawal diri ketika marah. Adapun menjerit, bertengkar dan bertindak mengikut



emosi bukanlah tanda kekuatan. Sebab itulah Rasulullah ﷺ bersabda dalam hadis riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim yang bermaksud:

“Bukanlah orang yang kuat itu orang yang menang dalam pergaduhan, tetapi orang yang kuat ialah orang yang mampu mengawal dirinya ketika marah.”

Maka orang yang benar-benar kuat ialah orang yang berjaya menewaskan hawa nafsunya sendiri, bukan orang yang menewaskan manusia dengan lidahnya, kekerasannya atau suaranya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷻ

Setiap orang yang melakukan dosa dan kejahatan, maka dialah yang akan menanggung akibat daripada perbuatan tersebut. Pada masa yang sama, seseorang tidak boleh mengaitkan atau menyandarkan sewenang-wenangnya bahawa pihak lain melakukan kesalahan yang sama tanpa bukti yang jelas. Firman Allah ﷻ dalam surah al-An‘ām, ayat 164 yang bermaksud: *“... Dan tiadalah (kejahatan) yang diusahakan oleh tiap-tiap seorang melainkan orang itulah sahaja yang menanggung dosanya; dan seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja);...”*

Usaha mencegah kemungkaran hendaklah dilakukan berdasarkan ilmu, hikmah serta pertimbangan terhadap maslahat dan mudarat. Jika sesuatu teguran atau tindakan membawa kepada kerosakan yang lebih besar atau fitnah yang lebih



dahsyat, maka wajib memilih jalan yang lebih bijaksana dan lebih membawa kepada kebaikan.

Imam an-Nawawi  berkata:

“Sekiranya seseorang bimbang akan berlaku mudarat terhadap dirinya, hartanya atau terhadap orang lain, maka gugurlah kewajipan mengingkari kemungkaran dengan tangan dan lidahnya. Namun wajib baginya membenci kemungkaran tersebut dengan hatinya. Inilah mazhab kami dan mazhab jumhur ulama.”

Kesimpulan khutbah hari ini :

1. Umat Islam hendaklah menyedari bahwa kemuliaan seseorang di sisi Allah tidak diukur melalui harta, pangkat dan keturunan tetapi dengan iman, ilmu, akhlak dan kebersihan jiwa.
2. Hendaklah memelihara hubungan sesama manusia dan menjauhi buruk sangka, hasad dengki, permusuhan, sebaliknya membina masyarakat atas dasar kasih sayang dan persaudaraan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

